

**Dr M: Kebebasan bersuara boleh, kebebasan menghina tidak**  
**Malaysian Insider**  
**18 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 18 Sept — Mantan perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad turut bersama-sama umat Islam seluruh dunia mengkritik filem "Innocence of Muslim" yang menghina Nabi Muhammad dengan mengatakan tidak ada masalah untuk kebebasan bersuara, akan tetapi, tiada kebebasan untuk menghina.

"Apa seseorang akan rasa jika seseorang lain datang kepada dan memanggilnya anak haram — akibat hubungan seks antara ibunya dan beberapa lelaki yang bukan bapanya.

"Bagaimana seseorang akan merasa?

"Rakyat Amerika Syarikat (AS) tidak akan merasa apa-apa kerana dalam masyarakat mereka ini adalah normal.

"Ibu mereka tidur dengan sesiapa sahaja. Mereka akan berkata, itu adalah norma.

"Begitu juga dengan bapa-bapa mereka. Ia adalah satu ungkapan kesaksamaan jantina.

"Orang Asia dan umat Islam akan berasa terhina. Mereka mungkin akan membunuh orang yang mengatakan perkara-perkara seperti itu terhadap ibu mereka.

"Kebebasan bersuara, ya. Tetapi ucapan menghina, tidak!

"Pastinya, tidak ada orang Asia ingin dipanggil anak haram walaupun sebagai jenaka," tulis beliau dalam blognya, [www.chedet.cc](http://www.chedet.cc) hari ini.

Dr Mahathir turut menyelar setiusaha negara AS Hillary Clinton kerana mempertahankan filem "Innocence of Muslim" diatas dasar kebebasan bersuara yang merupakan sebahagian daripada nilai hak asasi manusia.

"Saya fikir budaya Barat sudah menjadi gila. Di atas nama hak asasi manusia dan kebebasan bersuara, sesiapa sahaja boleh menghina.

"Apa jenis masyarakat manusia jika semua orang boleh mengutuk dan memperkecil-kecilkan orang lain?

"Tidak akan ada keamanan sama ada antara negara, agama, kaum atau orang awam di mana-mana," tambahnya lagi.

Manurut Dr Mahathir lagi, Barat tidak boleh memaksakan budaya mereka terhadap masyarakat Asia yang mempunyai nilai-nilai tersendiri.

"Mereka boleh menikmati kebebasan ini di kalangan mereka. Itu okay.

"Tetapi, mereka tidak boleh memaksa semua orang menerima kekasaran dan kekurangan adab dalam budaya mereka.

"Jika kebebasan adalah sebahagian daripada hak asasi manusia, bukan hak Barat sahaja, Asia mesti mempunyai kebebasan keatas hak-hak mereka kepada norma mereka dan kod moral sendiri."

Google Malaysia telah menyekat klip filem "Innocence of Muslims" dari perkhidmatan perkongsian video YouTube di Malaysia sejak lewat semalam berikutan aduan daripada pengawal selia Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai klip yang telah mencetuskan protes ganas di seluruh dunia Islam kerana menghina Nabi Muhammad.

The Malaysian Insider difahamkan bahawa SKMM telah menggunakan Seksyen 298A (1) Kanun Keseksaan dalam aduan kepada enjin carian terkemuka di dunia yang juga memiliki laman YouTube.

Kedua-dua Google dan YouTube mempunyai laman tempatan di Malaysia, yang mempunyai hampir 70 peratus penembusan jalur lebar dan pasaran utama bagi laman perkongsian video.

Semakan The Malaysian Insider menunjukkan bahawa mana-mana carian klip video kontroversi dari alamat IP Malaysia akan menunjukkan nota berkata, "Kandungan ini tidak boleh didapati di negara anda kerana aduan undang-undang".

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-m-kebebasan-bersuara-boleh-kebebasan-menghina-tidak/>